

KOMSAS : DRAMA MAHKAMAH (3 OGOS 2021)

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudia jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Baca petikan drama di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

HAKIM: Satu kad kuning untuk pendakwa raya. Sila duduk.

Ya, peguam bela, sila teruskan ...

PEGUAM BELA: Yang Arif, saya sambung kembali hujah saya.

Adapun kambing yang tersangat kurus dan lapar itu juga tersangatlah letihnya sehingga matanya pun sudah menjadi kabur dan berpinar-pinar. Ini menyebabkan kambing itu tidak nampak kulit pisang, sehingga terkaislah olehnya makanan kegemarannya itu ke atas jalan raya. Malang tak berbau, seorang nenek yang sedang berjoging menghampiri ... kambing terkejut dan cabut lari. Nenek tua itu terpijak kulit pisang dan jatuh ... sampailah ajalnya, dia pun mati.

Dengan ini, jelas bahawa Bulat bin Leper tidak terbabit dalam soal ini. Yang bersalah, bukannya Bulat, tapi kambing kurus. Oleh sebab itu, bukan Bulat yang harus dihukum, sebaliknya kambing kuruslah yang perlu dihukum.

Ya, yang arif, saya kira fakta ini cukup jelas dan tidak meragukan, dan saya mohon mahkamah yang mulia ini menjalankan keadilannya dengan membebaskan Bulat bin Leper daripada tuduhan membunuh secara tidak sengaja, tanpa syarat.

Sekian hujah-hujah saya. Mohon pertimbangan yang arif, tuan hakim. Terima kasih.

(Dipetik daripada drama "Mahkamah", antologi Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Bagaimanakah keadaan kambing dalam petikan drama di atas ?(3M)

- (ii) Nyatakan dua gaya Bahasa yang terdapat dalam petikan drama di atas berserta dengan contoh yang sesuai. (3m)

- (iii) Peguam bela merupakan individu yang membela atau mendakwa kliennya dalam sesuatu perbicaraan mahkamah. Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri peguam yang baik?(4m)